

CNS6429

U GB 19-07 00143 BH591

BAH

Mahathir - Latihan

PEKERJA PENTING LENGKAPI DIRI DENGAN KEMAHIRAN BARU

PULAU PINANG, 19 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penting bagi para pekerja memperbaiki kemahiran dan melengkap diri dengan kemahiran baru selaras dengan keadaan negara yang sedang pesat membangun.

Perdana Menteri berkata, pekerja seharusnya sedar bahawa hanya melalui peningkatan kemahiran baharulah produktiviti dapat dipertingkatkan lagi.

"Pekerja yang mahir juga boleh membantu meningkatkan daya saing barangan keluaran eksport negara," katanya ketika berucap merasmikan Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC), di sini, hari ini.

Beliau berkata, dengan memiliki pelbagai kemahiran, pekerja juga akan lebih mudah membuat penyesuaian dan perubahan yang perlu yang dibawa teknologi baru.

Dr Mahathir berkata, memandangkan pembangunan tenaga kerja penting, kerajaan memperuntukkan kira-kira 13 peratus daripada belanjawan pembangunan Rancangan Malaysia Keenam untuk pendidikan dan latihan. -- Lagi.

▼19/07/20-03MST

CNS6432

U GB 19-07 00131 BH592

BAH

Mahathir - Latihan 2 Pulau Pinang

Beliau berkata, kerajaan akan terus memberi perhatian berat terhadap pembangunan tenaga kerja pada masa akan datang kerana tenaga kerja yang terlatih dan mahir ialah aset penting negara.

Bagaimanapun, kata beliau, tanggungjawab melatih dan melengkapkan kemahiran pada rakyat bukanlah terletak di bahu kerajaan semata-mata, tetapi semua pihak -- majikan, pekerja, kesatuan sekerja, institusi latihan, sekolah dan juga ibu bapa.

"Adalah mendukacitakan bahawa masih ada pihak yang kerap beranggapan pembangunan dan latihan kemahiran ialah tanggungjawab kerajaan."

Mengenai penubuhan PSDC itu, beliau berkata, ia menunjukkan sudah wujud kesedaran bahawa tanggungjawab itu seharusnya dikongsi bersama antara kerajaan dan pihak-pihak lain.

PSDC tentunya dapat memainkan peranan penting membantu negara memenuhi keperluan pekerja terlatih dan berkemahiran, tegas beliau. -- Lagi.

▼19/07/20-08MST

CNS6433

U GB 19-07 00082 BH593

BAH

Mahathir - Latihan 3 (Akhir) Pulau Pinang

PSDC ditubuhkan dengan melibatkan pihak kerajaan dan sektor swasta di negeri ini dengan menggunakan bangunan lama Perbadanan Pembangunan Negeri (PDC) di sini.

Kerajaan negeri Pulau Pinang menyediakan geran operasi tahunan sebanyak RM120,000, manakala Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM7 juta untuk alat kelengkapan, makmal dan bengkel.

Sektor swasta pula menyediakan sumber latihan, mengenal pasti keperluan latihan dan membantu mendirikan kemudahan pusat itu. -- Bernama.

ANR KHY KAM.

▼19/07/20-09MST